

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS
TANGAU (TUARAN)**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memindahkan pangkalan tentera di Lok Kawi, Kota Kinabalu ke Pantai Timur Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Angkatan Tentera Malaysia tiada perancangan untuk memindahkan Pangkalan Tentera Darat di Lok Kawi, Kota Kinabalu ke Pantai Timur Sabah. Kementerian Pertahanan sentiasa peka akan aspek keselamatan yang mesti dipandang serius dalam memastikan keamanan di seluruh negeri Sabah. Demi keselamatan tersebut, Angkatan Tentera Malaysia telah menempatkan kem-kem seperti berikut:

- a) Markas Task Force 450 yang kini dikenali sebagai Divisyen Ke-5 Infantri akan dikekalkan berada di Kem Lok Kawi untuk memerintah semua briged-briged di bawah naungannya. Manakala, Briged Ke-5 Infantri yang sekarang berada di Kem Lok Kawi dirancang ditempatkan di Kota Belud untuk menjaga keselamatan Pantai Barat dan pedalaman Sabah. Untuk keselamatan di Pantai Timur Sabah pula, ianya telah diperkuatkan dengan penubuhan Briged Ke-13 (ESSCOM) yang kini dikenali sebagai Briged Ke-13 Infantri di Lahad Datu.
- b) Selain itu, keselamatan negeri Sabah juga dipantau secara bersama oleh ketiga-tiga perkhidmatan dengan adanya Markas Angkatan Tugas Bersama 2 di Kem Kukusan, Tawau. Markas Pemerintahan Armada Timur berada di Kota Kinabalu untuk memerintah Pangkalan Laut di Sabah dan Sarawak serta Markas Wilayah Laut 2 berada di Sandakan bagi memantau Pantai Timur Sabah. Markas Wilayah Udara 2 berada di Labuan dan Pusat bantuan Operasi Udara di Tawau bagi memantau keselemanan udara keseluruhan negeri Sabah.

Di samping itu, bagi keselamatan sempadan daratan dengan negara Indonesia, dua buah pasukan Rejimen Sempadan di bawah naungan Briged Ke-31 Infantri yang berada di Sarawak diaturgerak secara kekal ke Sabah. Batalion Ke-8 Rejimen Sempadan telah diaturgerak dan ditempatkan secara kekal di Tawau pada Januari 2019 manakala sebuah pasukan lagi dijangka akan diaturgerak dan ditempatkan setelah rancangan pembinaan kem baru di Keningau/Pensiangan dilaksanakan.